

Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Johor: Profil Demografi dan Dokumen Kemasukan

Illegal Immigrants in Johor: Demographic Profile and Entry Documents

Open
Access

Fuad Mohamed Berawi^{1,*}

¹ UUM College of Business, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 28 February 2019

Received in revised form 1 April 2019

Accepted 13 June 2019

Available online 19 August 2019

ABSTRACT

Kekurangan kajian terhadap pendatang asing tanpa izin ekoran daripada kesukaran mendapatkan maklumat, data, serta kerjasama daripada pendatang dan juga pihak berkuasa kerana ia melibatkan soal keselamatan, perundangan, privasi, dan kerahsiaan kedua-dua belah pihak. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan isu dan persoalan pendatang asing tanpa izin secara lebih jelas untuk pemahaman dan perbincangan yang lebih terperinci. Objektif kajian adalah mengkaji profil demografi pendatang, mengenal pasti faktor pekerjaan, pendapatan, dan majikan, serta analisis pematuhan dokumen dalam kalangan pendatang. Semua responden pendatang ditemu bual dengan menggunakan set soal selidik secara bersemuka di Depoh Tahanan Imigresen di Pekan Nenas, Pontian, Johor. Dapatan kajian merumuskan pendatang asing tanpa izin memasuki Malaysia lebih bermotifkan ekonomi seperti kemiskinan di negara asal dan peluang pekerjaan di negara ini, berbanding isu pergolakan politik, pertelingkahan kaum, atau pergeseran agama. Dapatan kajian juga mengesan isu penyalahgunaan dokumen perjalanan, penyeludupan manusia, dan penipuan agen. Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas, bersepadu, dan menyeluruh adalah perlu bagi menangani masalah dokumen selain membanteras eksploitasi manusia dengan mengenakan hukuman lebih keras bagi menjamin keselamatan rakyat tempatan, kedaulatan negara, serta melindungi hak asasi dan kehormatan manusia dan generasi akan datang

The lack of research on illegal immigrants due to the difficulty of obtaining information, data, and cooperation of immigrants and also involving the authorities for security, legal, privacy, and confidentiality of both parties. Thus, this study aims to highlight the issues and

* Corresponding author.

E-mail address: fuad@uum.edu.my (Fuad Mohamed Berawi)

problems of illegal immigrants explicitly for open space and understanding of the broader discussion. Basically this research focused on identifying the demographic profile of immigrants, analyze employment, income, and the employer, as well as push factors and pull the admission of foreigners involved to Malaysia. All respondents' immigrants interviewed using a face-to-face questionnaire in Immigration Detention Center in Pekan Nenas, Pontian, Johor. Information and data is processed and analyzed by descriptive and comparative method. The study concluded illegal immigrants into Malaysia more motivated by economic factors such as poverty in countries of origin and employment opportunities in Malaysia despite the issue of political unrest, sectarian strife, and religious conflicts, human trafficking, or the issue of fraud by agents. Law enforcement tougher it is necessary to address and combat the exploitation of man by imposing harsher punishments for ensuring the safety of local people, national sovereignty, and protect the rights and dignity of humankind and future generations.

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendetang Asing Tanpa Izin (PATI) di Johor

Secara umum buruh asing penting dalam membangun ekonomi dan mempercepat pertumbuhan negara terutama sumbangan daripada buruh mahir dan separuh mahir. Dari satu sudut juga, majikan dapat menjimatkan kos dan masa mencari pekerja terutama bidang pekerjaan berstatus kolar biru. Malaysia menjadi negara limpahan buruh dan pendatang asing dari negara jiran Indonesia, Thailand, dan Filipina, serta negara lain sejauh Nepal, Bangladesh, Myanmar, India, dan Pakistan. Kebanjiran mereka adalah kerana peluang pekerjaan dan suasana hidup yang lebih baik di negara ini selain kekurangan minat rakyat negara ini mencebur diri terutama di bidang pekerjaan yang dianggap kotor, sukar, dan bahaya (3D) seperti sektor pembinaan dan perladangan, atau di dalam sektor yang bergaji relatif rendah berbanding kos hidup seperti tukang cuci. Namun begitu kedatangan mereka turut membuka lorong kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) untuk menyeludup di celah-celah buruh yang sah tersebut. Majikan menggemari kedua-dua buruh dan pendatang asing ini kerana mereka sanggup bekerja dengan upah yang rendah serta waktu kerja lebih panjang. Dari segi ekonomi, situasi ini boleh mengekang pasaran buruh tempatan, menghambat usahawan tempatan, dan meningkatkan darjah pergantungan terhadap buruh asing. Mereka turut meningkatkan defisit dalam akaun negara dengan menghantar pulang pendapatan sehingga RM5 bilion sebulan ke negara asal [19]. Dari sudut sosial mereka telah membawa penyakit berjangkit, meningkatkan kadar jenayah, dan menggugat keselamatan rakyat tempatan. Mereka juga menggalakkan industri pasport palsu yang memburukkan imej negara. Dari sudut politik, pendatang asing mampu menimbulkan ancaman politik, keselamatan, dan kedaulatan menerusi siri pencerobohan pengganas dan peningkatan kes-kes penculikan penduduk tempatan. Pihak berkuasa tempatan sukar menangani masalah pendatang ini kerana sempadan laut di sepanjang persisiran serta sempadan daratan yang berhutan tebal yang menjadi 'laluhan tikus' kepada penyeludupan pendatang. Perlindungan daripada ahli keluarga dan kenalan yang telah lama menetap di Malaysia serta kediaman di pedalaman terpencil turut menyukarkan tugas pemantauan dan pencegahan oleh anggota keselamatan.

Dari segi pentadbiran, kerajaan telah membazir banyak tenaga, masa, dan wang pembayar cukai menangani isu pendatang asing kerana terpaksa menanggung kos makanan, penginapan, dan

perubatan pendatang asing yang ditahan di depoh-depoh tahanan. Kerajaan misalnya telah membelanjakan sejumlah RM26 juta sepanjang tahun 2014 untuk perkhidmatan makanan di semua depoh dan membiayai tambang PATI pulang ke negara asal. Daripada sejumlah 13,321 warga asing yang ditahan di 12 depoh tahanan imigresen di seluruh negara (Jadual 1), bilangan tertinggi adalah dari negara-negara berpendapatan rendah [4]. Sehingga tahun 2015 jumlah pekerja asing telah mencecah lebih daripada dua juta orang dengan pekerja yang paling tinggi datang dari Indonesia diikuti Nepal dan ketiga Bangladesh (Jadual 2).

Jadual 1

Depoh tahanan imigresen Malaysia

Putrajaya (Ibu pejabat)

Ajil, Terengganu

Belantik, Kedah

Juru, Pulau Pinang

Kemayan, Pahang

Langkap, Perak

Lenggeng, Negeri Sembilan

Machap Umboo, Melaka

Pekan Nenas, Johor

Semuja, Sarawak

Semenyih, Selangor

Tanah Merah, Kelantan

Sumber: Depot tahanan pendatang tanpa izin (2008)

Jadual 2

Pekerja asing mengikut negara asal di Malaysia (2015)

Negara asal	Jumlah
Indonesia	835,965
Nepal	502,596
Bangladesh	282,437
Myanmar	145,652
India	139,751
Pakistan	72,931
Filipina	65,096
Lain-lain*	90,607
Jumlah	2,135,035

* Lain-lain – Thailand, Kampuchea, China, Sri Lanka, Vietnam, dan Laos.

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (2016)

Pendatang asing tanpa izin di negeri Johor menduduki tempat keempat dari segi jumlah selepas Sabah, Selangor, dan Kuala Lumpur (Jadual 3). Namun begitu dari segi jumlah pekerja asing, negeri Johor adalah negeri paling banyak dengan jumlah 262,352 orang (Jadual 4) pada tahun 2010, terutama dari negara jiran dan juga dari negara jauh seperti Somalia (Afrika), Yaman, Pakistan, dan Myanmar.

Johor menjadi 'gerbang utama' pendatang tanpa izin terutama dari Sumatera Indonesia yang dipisahkan dengan Selat Melaka hanya sejauh 25 hingga 30 kilometer dari Pulau Karimunbesar (Sumatera, Indonesia) ke Pulau Kukup (Johor) di bahagian barat. Selain itu jarak antara Pulau Bintan (Indonesia) ke Pengerang (Johor) pula sekitar 30 hingga 35 kilometer di bahagian tenggara Johor. Perjalanan menggunakan feri atau bot adalah sesingkat satu hingga dua jam menjadikan peluang rakyat Indonesia memasuki negara ini lebih mudah. Laporan menunjukkan sejumlah 70 peratus rakyat Indonesia yang memasuki Malaysia secara haram menggunakan laluan di sepanjang pantai Johor terutama di Sungai Rengit di Pengerang dan Sedili, daerah Kota Tinggi. Laluan ini digemari oleh sindiket penyeludupan manusia kerana jarak yang hanya 30 minit dari Pulau Batam dan Tanjung Pinang di Indonesia yang menjadi transit utama pendatang tanpa izin dari Indonesia, sebelum menyeberangi Selat Melaka ke Johor. Laluan-laluan yang terdapat di pesisir pantai di sebelah timur Johor tersebut dikenali sebagai 'laluan tikus' sebelum pendatang dibawa tekong-tekong sindiket ke

destinasi yang telah ditentukan. Terdapat sekitar 18 laluan tikus yang beroperasi sebagai pintu masuk utama kepada aktiviti penyeludupan pendatang tanpa izin dari Indonesia (Penduduk tetap jadi tekong sindiket, 2013, Oktober 30), justeru kajian ini memilih Depoh Tahanan Imigresen di Pekan Nenas, Pontian, Johor bagi menyelidik dan mengenal pasti profil, sebab, dan implikasi kemasukan pendatang asing secara lebih terperinci dan menyeluruh terhadap sosioekonomi dan dasar pembangunan bagi merumus dan mencadangkan alternatif yang perlu kepada negeri Johor dan juga Malaysia keseluruhannya.

Jadual 3

Statistik PATI mengikut negeri

Negeri	Orang
Sabah	152,588
Selangor	126,094
Kuala Lumpur	103,075
Johor	33,451
Pulau Pinang	27,046
Perak	19,999
Pahang	18,390
Putrajaya	13,400
* Lain-lain	36,582
Jumlah	530,625

* Lain-lain – Negeri Sembilan, Kedah, Melaka, Kelantan, Terengganu, Perlis, dan Labuan

Jadual 4

Statistik pekerja asing di Johor

Daerah	Orang
Johor Bahru	115,692
Kluang	34,682
Kulaijaya	28,001
Batu Pahat	18,511
Kota Tinggi	16,468
Muar	13,760
Pontian	10,936
Segamat	10,186
Ledang	7,356
Mersing	6,760
Jumlah	262,352

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010)

2. Isu dan persoalan PATI

Kemajuan dan pertumbuhan negara memerlukan jumlah pekerja yang banyak untuk mengimbangi pelbagai projek pembangunan dalam siri rancangan jangka sederhana dan jangka panjang Malaysia. Tambahan 1.2 juta pekerja asing tidak dapat dielakkan bagi memastikan semua sektor bergerak lancar [2] terutama dalam bidang pekerjaan yang dianggap oleh tenaga kerja tempatan sebagai kotor, sukar, dan bahaya atau 3D (dirty, difficult and dangerous). Penduduk tempatan terutama golongan belia dikatakan kurang minat menyertai sektor pekerjaan dalam bidang perkilangan, pembinaan, dan perladangan [13]. Pertumbuhan pesat negara telah meningkatkan keperluan pekerja asing dalam pelbagai bidang utama yang sehingga kini telah mencecah lebih dua juta orang yang datang dari negara dekat dan jauh memasuki Malaysia. Kehadiran mereka mulai menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat tempatan kerana persaingan dan pelbagai masalah yang perlu dibendung. Hak rakyat tempatan semakin terjejas kerana majikan lebih gemar mengambil pekerja dan pendatang asing terutama dalam sektor perladangan, pembinaan, dan pembantu rumah kerana upah mereka jauh lebih murah berbanding rakyat tempatan. Sungguhpun tenaga asing perlu dalam pembangunan tetapi tidak bererti negara sewenang-wenangnya membuka peluang kepada mereka tanpa kawalan. Menurut Norshahzura dan Connie [11], banyak pekerja asing

melibatkan diri dalam perniagaan seperti membuka gerai makanan dan berniaga di pasar malam hingga menjadi kaya dan membeli aset tanpa membayar cukai pendapatan, malah mampu mengupah rakyat tempatan sebagai pekerja. Menurut mereka lagi, warga Thailand berniaga restoran tomyam, warga India bekerja di kedai gunting rambut dan restoran mamak, warga Indonesia pula mendominasi perniagaan runcit, manakala pendatang Myanmar berniaga sayur di pasar borong malah ada yang menjadi kontraktor binaan. Pekerja asing sepatutnya bekerja dan bukannya menjalankan perniagaan [11]. Mereka hanya layak bekerja dalam lima sektor yang dibenarkan kerajaan Malaysia iaitu perkilangan, pembinaan, pertanian, perladangan, dan perkhidmatan dengan subsektor restoran (tukang masak sahaja), subsektor pencucian dan pembersihan, serta subsektor pulau perangan [16]. Mereka tidak dibenarkan berniaga sama sekali.

Kesejahteraan sosial rakyat tempatan juga terjejas akibat jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing terutama mereka yang sememangnya mempunyai rekod di negara asal bagi kes-kes rompakan, pembunuhan, dan rogol yang melibatkan pendatang asing. Sesetengah kegiatan jenayah berlaku secara bersiri dan terancang seperti rompakan di taman-taman perumahan menyebabkan rakyat tempatan hidup dalam was-was, kegelisahan, dan ketakutan. Terdapat sejumlah 9,496 atau 11.2 peratus kes jenayah melibatkan warga asing dicatatkan antara Januari hingga Ogos 2014. Sebanyak 2,306 kes melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh (167), rogol (138), samun berkawan bersenjata api (108), samun berkawan tanpa senjata api (1,008), samun bersenjata api (10), samun tanpa senjata api (377), dan mencedera (498). Sebanyak 7,190 kes pula melibatkan jenayah harta benda iaitu curi (1,871), curi kereta (568), curi motosikal (1,252), curi jentera berat (78), ragut (318), dan pecah rumah iaitu 3,103 kes [18].

Dari segi sosial, pelbagai penyakit berbahaya turut merebak kerana kekurangan atau ketiadaan saringan kesihatan untuk kawalan penyakit sama ada terhadap pekerja asing yang sah atau pun tidak. Banyak pendatang yang masuk ke Malaysia berasal dari kawasan mundur, tercemar, dan kurang menitik beratkan kebersihan di negara asal mereka yang kurang pengetahuan serta mengabaikan kesihatan seperti AIDS, tibi, atau penyakit kelamin. Terdapat juga pendatang asing yang dikenal pasti sebagai pembawa kuman HIV dan hepatitis. Selain penyakit dalam jangka panjang pendatang asing turut memberi kesan terhadap pembentukan masyarakat majmuk pelbagai etnik di negara ini terutama melalui perkahwinan dengan rakyat tempatan [3]. Limpahan pendatang asing turut merumitkan apabila mereka mendirikan penempatan haram sama ada di dalam kebun atau ladang tempat mereka bekerja. Mereka turut membuka perumahan di kawasan hutan bakau Sabah [10]. Petempatan haram pendatang asing ini menjadi kawasan setinggan telah menggalakkan pencemaran, kebakaran, dan pengabaian kebersihan disebabkan kekurangan sistem. Kawasan setinggan yang tidak teratur dan serba kekurangan kemudahan asas menimbulkan masalah sistem pembuangan sampah dan masalah penyenggaraan kumbahan selain menjejaskan keindahan.

Dari sudut politik, masalah pendatang asing turut memberi imej kelemahan pengurusan dan penguatkuasaan kerajaan. Malaysia menganggarkan sekitar 30 hingga 200 orang pendatang asing tanpa izin keluar masuk dari negara ini secara haram melalui 'laluhan tikus' di perairan negara setiap hari walaupun penguatkuasaan telah dipertingkatkan. Laluhan tikus di sepanjang Selat Melaka terutamanya di pesisir pantai Perak hingga ke Johor, manakala di Sabah pula di perairan timur negeri itu bermula dari Sandakan hingga ke Tawau, dan di Kelantan yang terdapat di sepanjang Sungai Golok di sempadan Malaysia dan Thailand. Kewujudan laluhan tikus itu adalah disebabkan oleh kedudukan geografi yang bersempadan antara Malaysia dan negara jiran, masa singkat yang diambil untuk sampai ke destinasi, tambang murah dikenakan ejen atau tekong selain tumbuhnya jeti-jeti haram di kawasan pesisir pantai yang dijadikan lokasi pendaratan [12].

Kemasukan pendatang asing tanpa izin pada tahun 2014 di Kelantan misalnya terus meningkat bagi tempoh Januari hingga April apabila Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) Negeri Kelantan

berjaya menahan 545 orang pendatang asing tanpa izin berbanding 706 orang pada sepanjang tahun 2013. Kebanyakan mereka adalah warga Bangladesh, Myanmar, Thailand, dan Pakistan (Kemasukan pendatang tanpa izin ke Kelantan, 2014). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen pula, sehingga 30 Jun 2007 jumlah pekerja asing mencecah 1.91 juta tidak termasuk lebih 400,000 pendatang asing yang dipercayai memasuki negara ini secara haram selain hampir 10,000 tahanan di depoh imigresen [2]. Tindakan mereka masuk secara haram telah mendedahkan diri kepada bahaya seperti ditipu majikan yang tidak dibayar gaji, perhambaan, penganiayaan, dan penderaan pembantu rumah secara fizikal dan seksual, pelacuran, perkosaan, dan hingga melibatkan kematian.

Pihak kedutaan asing juga seperti enggan bekerjasama mengeluarkan dokumen perjalanan sementara supaya rakyatnya segera dapat dihantar pulang. Keengganan ini mengakibatkan kerugian kerajaan dari segi tenaga, masa, dan kos tanggungan pendatang asing di depoh tahanan sehingga mencecah RM75 sehari (Kerajaan cari mekanisme terbaik, 2014). Pada tahun 2009 saja misalnya, kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan tahanan dan banduan warga asing sebanyak RM171 juta (RM171 juta tanggung perbelanjaan tahanan, 2010). Kos penghantaran pulang rakyat mereka ke negara asal juga terpaksa ditanggung oleh kerajaan Malaysia.

Pasport Malaysia palsu juga mendapat permintaan tinggi di negara luar kerana keistimewaan pemegang pasport itu seperti pengecualian visa yang menjadikannya antara dokumen perjalanan yang mendapat permintaan tinggi daripada sindiket pasport palsu terutama daripada rakyat negara Bangladesh, Pakistan, Sri Lanka, dan China. Sepanjang tahun 2015 misalnya, pihak berkuasa Thailand telah menangkap lebih 60 orang daripada pelbagai negara kerana menggunakan pasport Malaysia palsu untuk perjalanan ke beberapa negara anggota Kesatuan Eropah (EU). Harga pasport Malaysia palsu adalah sekitar RM20,000 bergantung kepada sindiket yang menjual [9].

Justeru yang menjadi persoalan adalah, siapa dan dari negara manakah semua pendatang asing datang? Adakah mereka datang berseorangan, bersama keluarga atau saudara-mara, kenalan atau rakan. Adakah mereka diuruskan agen atau penyeludup? Apakah pekerjaan dan pendapatan mereka di negara asal tidak mencukupi untuk sara hidup seharian? Adakah mereka masuk dengan dokumen yang sah atau secara menyeludup? Sekiranya menyeludup, adakah secara sendirian atau dibantu oleh pihak lain? Oleh itu kajian ini akan menganalisis semua persoalan terbabit secara lebih terperinci.

3. Reka Bentuk Kajian


Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan set soal selidik bagi pengumpulan data untuk mencapai objektif kajian. Responden kajian adalah pendatang asing tanpa izin di Depoh Tahanan Imigresen, Pekan Nenas, Pontian, Johor yang masuk ke Malaysia dengan pelbagai cara, sama ada menggunakan dokumen perjalanan yang sah atau tidak. Tinjauan dijalankan pada 17 Januari 2016 sehingga 18 Februari 2016. Kutipan data dijalankan di bawah pengawasan pegawai warden di depoh terlibat disebabkan isu keselamatan. Bagi responden yang tidak fasih berbahasa Malaysia, soal selidik dijalankan dengan bantuan tahanan senegara yang fasih berbahasa Malaysia di depoh tersebut. Depot Pekan Nenas, Pontian Johor dipilih kerana depoh ini adalah yang terawal membenarkan kajian dijalankan di sana.

Laporan kajian ini mengeksploitasi data primer dengan pendekatan deskriptif terhadap ciri-ciri demografi dan isu dokumen perjalanan pendatang asing tanpa izin. Set soal selidik merangkumi dua bahagian iaitu:

- a. maklumat demografi dan maklumat pekerjaan dan
- b. cara kemasukan dan dokumen perjalanan yang digunakan untuk datang ke Malaysia

3.1 Maklumat Demografi Pendatang Asing Tanpa Izin

Soal selidik telah menemu bual sebanyak 98 orang responden dengan 66 lelaki dan 32 perempuan dari 11 negara iaitu Filipina, Indonesia, Thailand, Bangladesh, India, Myanmar, Nepal, Pakistan, Vietnam, dan Laos (Rajah 1). Sebanyak 83.67 peratus daripada mereka mempunyai keluarga atau kenalan di Malaysia yang sedia menerima mereka. Sebanyak 3.06 peratus berkahwin dengan warganegara Malaysia manakala 1.02 peratus berkahwin dengan warganegara Malaysia bertaraf penduduk tetap (PR). Kebanyakan pendatang adalah dalam lingkungan 20 hingga 29 tahun, diikuti 30 hingga 39 tahun, 40 hingga 49 tahun, dan akhir sekali lebih 50 tahun.




Rajah 1. Negara asal


Tahap pendidikan pendatang (yang diukur mengikut perspektif sistem pendidikan di Malaysia iaitu peringkat pendidikan rendah ialah sehingga pada umur 12 tahun dan menengah ialah sehingga pada umur 17 tahun) menunjukkan terdapat pendatang yang memiliki ijazah tertinggi peringkat sarjana, sarjana muda, dan diploma. Selebihnya menamatkan persekolahan peringkat menengah dan pendidikan rendah manakala baki 20 peratus tidak mendapat pendidikan formal (Rajah 2). Terdapat pendatang yang berpendidikan tinggi bekerja sebagai profesional seperti promoter pementasan, ahli muzik, anggota tentera berpangkat mejar, dan pengurus syarikat import-eksport. Pendatang yang mendapat pendidikan rendah seperti Indonesia, India, Filipina, dan Thailand, menggunakan konsep pembelajaran sekolah pondok atau madrasah di negara asal mereka.

Pendatang dari Myanmar, Nepal, Vietnam, dan Pakistan yang tiada pendidikan formal menyatakan daerah mereka tiada kemudahan pembelajaran yang mencukupi. Selain itu faktor kemiskinan dan lokasi perkampungan yang jauh di pedalaman turut menghalang mereka mendapatkan pendidikan. Kebanyakan mereka boleh menguasai bahasa Malaysia (Melayu) dengan fasih (Rajah 3) iaitu 91.84 peratus terutama pendatang Indonesia. Pendatang Myanmar, Kemboja, Bangladesh, Pakistan, dan Filipina pula terpaksa mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh bagi memudahkan peluang mendapatkan pekerjaan. Sebanyak 25.51 peratus lagi boleh berbahasa


Inggeris dengan fasih (Rajah 4) kerana kebanyakan daripada mereka tamat pengajian tinggi dengan memiliki sijil, diploma, ijazah sarjana muda, dan ijazah sarjana.



Rajah 2. Tahap pendidikan



Rajah 3. Kebolehan berbahasa Malaysia




Rajah 4. Kebolehan berbahasa Inggeris


3.2 Maklumat Pekerjaan Pendatang Asing Tanpa Izin

Maklumat pekerjaan pendatang asing dilihat dari dua aspek iaitu (i) pekerjaan di Malaysia dan (ii) pekerjaan di negara asal. Dapatan kajian menunjukkan 92.86 peratus pendatang bekerja dengan majikan yang terdiri daripada rakyat Malaysia, 3.06 peratus bekerja sendiri dengan membuka perniagaan atau bekerja sambilan di rumah, manakala 4.08 peratus bakinya tidak bekerja (Rajah 5) iaitu sama ada mengikut keluarga sebagai suri rumah, ibu, atau datang melancong. Walaupun peratusan pendatang yang membuka perniagaan sendiri adalah kecil tetapi ia menyerlahkan kelemahan penguatkuasaan dan jika tidak dibendung akan menyekat usahawan tempatan. Pendatang yang bekerja dengan majikan Malaysia pula terlibat dalam pelbagai bidang pertanian, perindustrian, pembinaan, dan perkhidmatan.

Keseluruhannya sektor perkhidmatan menampung pekerjaan pendatang dalam peratusan tertinggi 52.04 peratus (Rajah 6) seperti pekerjaan pengawal keselamatan, pekerja restoran, perkhidmatan pembersihan, jurujual di pasar raya dan kedai runcit yang dikuasai pendatang dari Bangladesh dan India. Selain itu terdapat juga perkhidmatan di pusat-pusat karaoke, kelab malam, dan perkhidmatan urut terutama pendatang Indonesia dan Filipina. Sektor perindustrian pula adalah kedua tertinggi dengan 20.41 peratus, dan pembinaan ketiga dengan 16.33 peratus. Pendatang yang berpendidikan bekerja di sektor perkilangan seperti kilang elektronik, kilang baju, dan kilang papan. Pendatang yang tidak berpendidikan pula bekerja sebagai buruh kasar di sektor pembinaan manakala yang telah lama berpengalaman bekerja sebagai kontraktor pembinaan. Bagi pendatang bekerja di sektor pertanian pula, sebanyak 4.08 peratus bekerja sebagai pemungut buah kelapa sawit, menjaga ladang ternakan lembu, kambing, dan juga kebun sayur. Sejumlah 3.06 peratus yang bekerja sendiri melibatkan diri dalam industri muzik dan hiburan sebagai pengurus artis di negara asalnya, membuka kolam ternakan ikan dan udang, serta bekerja sambilan di rumah membungkus barangan kilang. Akhir sekali 4.08 peratus yang tidak bekerja hanya menguruskan rumah sebagai suri rumah, ibu, atau warga emas yang ditanggung oleh anaknya yang bekerja di negara ini (Rajah 6).




Rajah 5. Majikan di Malaysia (peratus)



Rajah 6. Bidang pekerjaan di Malaysia


Dari segi cara mendapatkan pekerjaan di Malaysia, sebanyak 65.31 peratus menggunakan khidmat agen di negara asal terutama pendatang dari Indonesia, Bangladesh, dan Nepal. Sebanyak 8.16 peratus lagi mendapat bantuan kenalan dan rakan dari negara asal, manakala 4.08 peratus lagi dengan bantuan ahli keluarga seperti suami dan saudara-mara yang telah lama bekerja di Malaysia. Baki 22.45 peratus lagi diuruskan oleh majikan Malaysia yang menawarkan pekerjaan di sini.



Rajah 7. Majikan di negara asal

Pekerjaan di negara asal pula menunjukkan 42.86 peratus pendatang bekerja makan gaji dengan majikan manakala sejumlah 19.39 peratus lagi bekerja sendiri seperti mengusahakan sawah padi, ternakan lembu, kambing, atau khinzir. Sejumlah 37.76 peratus lagi tidak bekerja atau menganggur kerana peluang pekerjaan yang terhad, faktor kemiskinan, ketidakstabilan politik, serta ketegangan kaum dan konflik agama di negara asal (Rajah 7) seperti pendatang Myanmar dari etnik minoriti Rohingya meninggalkan kampung halaman kerana ketidakstabilan politik dan rusuhan kaum. Bidang pekerjaan di negara asal pula menunjukkan sebanyak 41.84 peratus bekerja di sektor perkhidmatan sebagai anggota tentera berpangkat mejar, polis, ahli muzik, pemandu melancong, syarikat eksport import eksport, atau bekerja di spa kecantikan dan tukang urut. Sebanyak 15.31 peratus lagi bekerja di sektor pertanian mengusahakan tanaman padi, sayur-sayuran, menternak lembu, kambing, dan kolam ikan, ketam, dan udang manakala 4.08 peratus lagi dalam sektor perindustrian seperti di kilang

baju dan minyak masak. Baki 38.78 peratus lagi tidak mempunyai pekerjaan tetap serta tidak mampu menyara keperluan minimum harian seperti makanan dan pakaian (Rajah 8).



Rajah 8. Bidang pekerjaan di negara asal

Pendapatan bulanan terendah yang diperoleh adalah RM200, tertinggi RM10,000, dan pendapatan purata adalah RM1,378 (Jadual 5). Dapatan menunjukkan terdapat sebanyak 71.43 peratus berpendapatan lebih RM940, jumlah yang tinggi di atas pendapatan garis kemiskinan (PGK) bandar di Malaysia (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2014). Golongan pendatang yang berpendapatan rendah di bawah RM900 melibatkan diri dalam pekerjaan seperti memungut kelapa sawit, menjaga kawasan ternakan, atau mencuci pinggan mangkuk di restoran. Sebahagian lagi bekerja di kilang baju, kilang elektronik, pengawal keselamatan, dan perkhidmatan pembersihan. Pendatang yang berpendapatan sederhana sekitar RM1,500 hingga RM2,500 pula bekerja di sektor pembinaan seperti membina rumah dan bangunan, pemasangan mozek, pendawaian elektrik, logistik, serta bekerja di bengkel kereta sebagai pembantu mekanik. Pendatang yang kelulusan akademik tinggi seperti sijil, diploma, atau ijazah memegang jawatan sebagai penyelia di pasar raya atau membuka syarikat sendiri.

Jadual 5

Pendapatan bulanan di Malaysia

Kadar pendapatan	RM
Terendah	200
Tertinggi	10,000
Purata	1,378

Jadual 6

Perbelanjaan bulanan di Malaysia

Kadar perbelanjaan	RM
Terendah	100
Tertinggi	2,000
Purata	471

Kebanyakan pendatang menguruskan perbelanjaan mengikut keperluan secara berhemat kerana sebahagian daripada mereka telah berkeluarga manakala sebahagian lagi berpendapatan hanya sekitar RM200 seperti pekerja kontrak pembersihan (cleaner). Mereka membeli barangan keperluan asasi seperti makan tengah hari dan malam saja. Bagi golongan bujang, mereka membeli stok makanan secara mingguan atau bulanan apabila mendapat gaji berbanding pendatang yang

berbelanja tinggi yang memiliki perniagaan sendiri. Keseluruhannya perbelanjaan bulanan terendah adalah RM100, tertinggi RM2,000, dan purata RM471. Perbelanjaan bulanan di Malaysia adalah penting untuk mengunjur pertumbuhan ekonomi tempatan (Jadual 6).

Jadual 7

Pendapatan yang dihantar ke negara asal

<u>Kadar penghantaran</u>	<u>RM*</u>
Terendah	100
Tertinggi	5,000
Purata	749

* Kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan pelbagai negara pada Februari 2016

Jadual 8

Pendapatan bulanan di negara asal

<u>Kadar pendapatan</u>	<u>RM*</u>
Terendah	5
Tertinggi	5,000
Purata	412

* Kadar pertukaran ringgit Malaysia dengan pelbagai negara pada Februari 2016

Pendapatan terendah yang dihantar pulang ke negara asal adalah RM100, tertinggi RM5,000, dan purata RM749 (Jadual 7). Purata yang tinggi ini menggambarkan isu pengaliran wang ke negara asal masih menjadi duri dalam daging dalam pendapatan negara. Pendapatan bulanan di negara asal pula menunjukkan yang terendah adalah RM5, pendapatan tertinggi RM5,000, manakala pendapatan purata adalah RM412 (Jadual 8). Pendapatan terendah adalah RM5 dan perbezaan ketara pendapatan purata yang diperolehi di negara asal (RM412) sebanyak dua kali ganda lebih tinggi berbanding pendapatan purata yang diperolehi di negara Malaysia (RM1,378) terus menjadi dorongan kepada pendatang untuk berhijrah ke negara ini.


Terdapat sebanyak 15.31 peratus pendatang yang bekerja kurang daripada lapan jam atau tidak bekerja sama sekali. Pendatang yang bekerja kurang daripada lapan jam terdiri daripada suri rumah yang telah berkeluarga dengan penduduk tempatan atau bekerja secara sambilan seperti membungkus barangan keluaran kilang di rumah, atau di kedai runcit dan restoran mengikut giliran (shift). Pendatang tidak bekerja sama sekali adalah kerana ditangkap ketika masuk ke Malaysia.

Sejumlah 63.27 peratus daripada mereka bekerja antara lapan hingga 10 jam mengikut piawaian jam waktu kerja seperti kerani pejabat, kontraktor bangunan, pemasangan mozek, serta menyusun batu-bata dan menyimen. Sebanyak 20.41 peratus lagi bekerja antara 11 hingga 12 jam kebanyakannya di sektor perindustrian seperti operator di kilang elektronik, kilang papan lapis, kilang baju, dan kilang automatif. Baki 1.02 peratus lagi bekerja lebih 12 jam sehari sebagai pekerja di pusat-pusat mengurus bahagian perkhidmatan pelanggan.

Terdapat sejumlah 31.63 peratus pendatang menyatakan mereka bekerja tujuh hari seminggu terutama di sektor perindustrian seperti kilang membuat pakaian, kilang elektronik, kilang baju, dan kilang papan. Pendatang perempuan dari Thailand, Vietnam, atau Indonesia pula bekerja di pusat mengurus turut bekerja setiap hari tanpa cuti khusus. Peratusan tertinggi adalah 61.22 peratus yang bekerja enam hari seminggu. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada pendatang perempuan yang bekerja di pasar raya, kedai runcit, dan perkeranian manakala pendatang lelaki bekerja sebagai pelayan di restoran. Sebanyak 2.04 peratus lagi bekerja kurang daripada lima hari terutama di kantin-kantin kilang sekitar Johor Bahru atau membungkus barangan keluaran kilang secara sambilan di rumah. Baki 5.10 peratus adalah mereka yang tidak bekerja yang datang untuk tujuan melancong atau mengikut keluarga (Rajah 9).


Sejumlah 41.84 peratus disediakan kemudahan perubatan oleh majikan terutama pekerja di sektor perindustrian seperti kilang papan, kilang elektronik, dan kilang baju, malah terdapat majikan

yang menyediakan klinik khas bagi pekerjaannya untuk mendapatkan rawatan seperti pendatang Indonesia yang bekerja di sektor pembinaan sebagai kontraktor bangunan (construction) sekiranya terdapat sebarang kecederaan sewaktu bekerja. Bagi yang tidak mendapat perkhidmatan perubatan terpaksa menanggung kos perbelanjaan rawatan sendiri dengan membeli ubat di kedai atau farmasi (Rajah 11). Sebanyak 35.71 peratus disediakan dengan pengangkutan. Pendatang Pakistan yang bekerja di ladang kelapa sawit disediakan motosikal oleh majikan manakala pendatang yang bekerja di kilang-kilang disediakan van atau bas pekerja. Mereka yang bekerja di sektor pembinaan sebagai pekerja kontrak hanya berjalan kaki kerana berdekatan dengan rumah sewa atau rumah kungsi. Bagi yang tidak disediakan pengangkutan, mereka menumpang kenderaan rakan, basikal, teksi, atau bas harian.



Rajah 9. Bilangan hari bekerja seminggu

Sejumlah 32.65 peratus pendatang menyatakan majikan menyediakan makanan terutama mereka yang bekerja di restoran atau kedai makan. Bagi pendatang tidak disediakan makanan membeli sendiri makanan setiap hari atau membawa bekalan dari rumah seperti pendatang yang bekerja di bank-bank sebagai tukang cuci (cleaner) atau pengawal keselamatan (Rajah 10). Sebanyak 31.63 peratus pendatang disediakan kemudahan tempat tinggal terutama yang bekerja di sektor pembinaan dengan tinggal di rumah-rumah kongsi bersama pekerja lain. Terdapat juga pendatang dari Myanmar pula berkongsi rumah sewa dengan rakan-rakan lain manakala pendatang yang bekerja di kilang-kilang disediakan asrama sebagai tempat tinggal. Pendatang yang telah berkahwin dan berkeluarga memilih untuk menyewa rumah sendiri terutama yang berkahwin dengan warga tempatan. Sebanyak 47.96 peratus lagi disediakan pelbagai kemudahan lain seperti uniform bagi pekerja pembersihan (cleaner), operator pengeluaran kilang, atau pengawal keselamatan. Terdapat juga majikan yang menyediakan kasut berlapis besi (steel) khusus kepada pekerja di tapak pembinaan bagi tujuan keselamatan pekerja. Bagi pendatang yang tidak disediakan apa-apa kemudahan, mereka terpaksa menanggung segala kos perbelanjaan dan kemudahan sendiri (Rajah 11).



Rajah 10. Kemudahan yang disediakan oleh majikan

3.3 Analisis Dokumen dan Urusan Kemasukan

Terdapat tiga jenis kesalahan utama dari segi dokumen kemasukan iaitu (i) dokumen (seperti pasport dan pas sempadan) yang telah tamat tempoh, (ii) penyalahgunaan dokumen perjalanan dan, (iii) tiada dokumen sama sekali kerana masuk dengan cara menyeludup. Dari segi urusan kemasukan, terdapat sebahagian pendatang yang (i) menguruskan sendiri kemasukan mereka (sama ada secara sendirian atau bersama keluarga dan kenalan) tanpa bantuan pihak kedua manakala (ii) sebahagian lagi masuk dengan bantuan pihak kedua (sama ada agen atau keluarga dan kenalan yang memang telah menetap di Malaysia).


a. Dokumen kemasukan

Cara kemasukan akan membincangkan dari segi dokumen kemasukan pendatang asing tanpa izin ke Malaysia, penggunaan khidmat agen, melalui bantuan ahli keluarga, saudara-mara, kenalan, rakan, atau sendirian dan kos yang dibayar untuk masuk ke negara ini. Kajian ini membahagikan cara kemasukan pendatang kepada dua iaitu (i) pendatang yang masuk sendirian dan (ii) pendatang yang masuk dengan bantuan pihak kedua. Sebanyak 69.39 peratus daripada keseluruhan pendatang memiliki pasport untuk masuk ke Malaysia dengan kebanyakan mereka memahami prosedur keluar-masuk yang memerlukan pasport yang sah. Sejumlah 1.02 peratus pula hanya memiliki pas sempadan iaitu kebenaran masuk terhad untuk tempoh 21 hari saja dan majikan perlu memperbaharui pas tersebut jika mahu mereka terus bekerja. Terdapat pas sempadan yang disalahgunakan oleh pendatang seperti menggunakan pas melancong untuk bekerja manakala 29.59 peratus lagi masuk secara haram tanpa dokumen (Rajah 11). Pendatang dari Myanmar misalnya memasuki negara ini melalui perairan dengan bantuan tekong laut atau melalui laluan darat seperti kereta dan lori. Kebanyakan pendatang Myanmar terutama etnik Rohingya yang datang menaiki kapal serta menggunakan khidmat agen belayar dalam keadaan yang bersesak-sesak dan kurang bekalan makanan.


b. Urusan kemasukan

Dari segi urusan dokumen kemasukan, hanya 9.18 peratus pendatang menguruskan sendiri dokumen kerana pernah dan mempunyai pengalaman berurusan dengan pihak imigresen sebelum

ini. Mereka juga arif dengan selok-belok sistem peraturan dan keperluan imigresen di Malaysia. Majoriti 90.82 peratus lagi diuruskan oleh pihak kedua yang terdiri daripada agen di negara asal, bantuan ahli keluarga dan saudara-mara, kenalan dan rakan, atau majikan (Rajah 12). Penggunaan khidmat pihak kedua adalah lebih mudah terutama bagi mereka yang tidak mempunyai pengalaman atau tidak tahu cara, peraturan, dan perundangan imigresen memasuki negara ini.



Rajah 11. Dokumen masuk ke Malaysia (peratus)




Rajah 12. Urusan dokumen masuk ke Malaysia (peratus)

c. Kemasukan secara sendirian

Kemasukan pendatang secara sendirian dapat dilihat dari dua aspek iaitu (i) kos kemasukan dan (ii) tempoh masa urusan dokumen. Dari segi kos urusan kemasukan secara sendiri ke Malaysia, sebanyak 88.88 peratus membayar sejumlah RM200 hingga RM1,800 manakala 11.11 peratus tidak membayar apa-apa kos kerana masuk secara menyeludup (Jadual 9).

Jadual 9
 Kos masuk ke Malaysia secara sendiri

Kadar kos	RM
Terendah	200
Tertinggi	1,800
Purata	600




Rajah 13. Urusan dokumen masuk secara sendiri


Dari segi tempoh masa urusan dokumen masuk secara sendiri ke Malaysia, sebanyak 54.55 peratus pendatang mengambil masa kurang daripada seminggu manakala 9.09 peratus lagi mengambil masa sehingga 30 hari untuk mendapatkan pasport atau pas sempadan. Baki 36.36 peratus selebihnya tidak pasti kerana tidak dapat mengingatati berapa lama tempoh masa yang mereka ambil untuk urusan dokumen berkenaan (Rajah 13).

d. Kemasukan dengan menggunakan khidmat pihak kedua

Kemasukan pendatang dengan menggunakan khidmat pihak kedua dapat dilihat dari tiga aspek iaitu (i) kategori pihak kedua yang menguruskan kemasukan, (ii) tempoh masa urusan dokumen, dan (iii) kos kemasukan.



Rajah 14. Kemasukan ke Malaysia diurus pihak kedua



Rajah 15. Tempoh masa urusan dokumen diurus pihak kedua

Dari segi urusan kemasukan pendatang yang menggunakan khidmat pihak kedua untuk masuk ke Malaysia, 70.79 peratus diuruskan oleh agen, 12.36 peratus diuruskan oleh kenalan atau rakan, 8.99 peratus majikan, dan 7.87 peratus lagi diuruskan oleh keluarga atau saudara-mara (Rajah 14). Peratusan tinggi yang diuruskan oleh agen mendedahkan pendatang kepada penipuan dan penindasan. Dari segi kos masuk ke Malaysia yang diuruskan oleh pihak kedua, sebanyak 10.21 peratus membayar kurang daripada RM1,000, 21.43 peratus membayar antara RM1,001 hingga RM2,000, 11.22 peratus membayar antara RM2,001 hingga RM3,000, 9.18 peratus membayar antara RM3,001 hingga RM4,000, 9.18 peratus lagi membayar antara RM4,001 hingga RM5,000, dan 20.40 peratus membayar lebih RM5,000. Selebihnya 9.19 peratus tidak tahu berapakah kos yang dikenakan kerana ia dibayar oleh pihak lain seperti agen, ahli keluarga, kenalan, atau majikan. Baki 9.19 peratus tidak dapat mengingati berapakah kos yang terlibat.

Jadual 10

Kos masuk ke Malaysia diurus pihak kedua*

Kadar kos	RM
Terendah	100
Tertinggi	22,000
Purata***	4,747


* Pihak kedua terdiri daripada agen, ahli keluarga, kenalan, atau majikan.

** Tidak tahu kerana kos dibayar oleh pihak lain seperti agen, ahli keluarga, kenalan, atau majikan.

*** Kos purata bagi pendatang yang membayar saja.

Dari segi urusan dokumen masuk ke Malaysia yang diurus oleh pihak kedua, sejumlah 70.79 peratus dilakukan dalam tempoh seminggu, 17.98 peratus dalam tempoh dua minggu, dan 4.49 peratus dalam tempoh sebulan. Bagi tempoh yang lebih panjang, sejumlah 1.12 peratus urusan

dokumen adalah dalam tempoh tiga bulan dan 2.25 peratus lagi dalam tempoh enam bulan kerana mengikut prosedur di negara asal yang agak ketat dalam urusan pasport, visa, atau pas sempadan manakala 3.37 peratus tidak menguruskan dokumen kerana masuk secara menyeludup (Rajah 15). Secara lebih terperinci, kos terendah yang dibayar oleh pendatang kepada pihak kedua adalah RM100 (Jadual 10). Kos tertinggi pula adalah RM22,000 terutama pendatang dari India, Pakistan, dan Bangladesh. Secara keseluruhan, purata kos yang perlu dibayar kepada pihak kedua oleh setiap pendatang adalah RM4,747 (Jadual 10). Kos bayaran yang tinggi ini turut mendedahkan pendatang kepada penipuan dan penindasan oleh agen.



Rajah 16. Kesalahan pendatang asing tanpa izin

e. Jenis-jenis kesalahan

Dari segi kesalahan yang direkodkan, terdapat 42.86 peratus tiada dokumen sah seperti pendatang Myanmar etnik Rohingya yang ditangkap kerana memasuki perairan Malaysia secara haram. Sejumlah 26.53 peratus dokumen tamat tempoh dengan alasan tidak sempat memperbaharui pasport. Sejumlah 19.39 peratus lagi tertipu dengan agen dari negara asal mereka yang menjanjikan peluang pekerjaan tetapi apabila tiba di negara ini, pekerjaan yang diharapkan tiada dan agen tersebut menghilang diri. Seterusnya sejumlah 6.12 peratus pendatang telah menyalahgunakan dokumen seperti permit lawatan melancong digunakan untuk bekerja secara haram dan 2.04 peratus menyerah diri secara sukarela. Bagi 3.06 peratus lain-lain adalah kesalahan seperti melarikan diri daripada majikan, terlibat dengan pergaduhan, atau majikan menyembunyikan pasport atau permit (Rajah 16).

4. Implikasi Dasar

Hasil kajian telah membincangkan persoalan utama meliputi profil demografi pendatang asing tanpa izin di depoh tahanan seperti umur, jantina, negara asal, dan pendidikan. Kebanyakan pendatang adalah lelaki, beragama Islam, dalam lingkungan umur 20 hingga 30 tahun. Peratusan tertinggi datang dari negara bergolak seperti Myanmar atau negara miskin seperti Bangladesh. Peratusan tinggi dari negara Indonesia pula berkait rapat dengan faktor keluarga dan rakan-rakan yang telah lama bermastautin di negara ini. Lebih separuh daripada pendatang adalah bujang

manakala yang telah berkahwin kebanyakannya mempunyai pasangan di negara asal. Kebanyakan pendatang masuk ke negara ini mengikut kenalan dan rakan-rakan berbanding ahli keluarga dan saudara-mara. Sebanyak 80 peratus pendatang memiliki pendidikan formal dengan yang tertinggi adalah peringkat sarjana dan sarjana muda. Sebahagian lagi adalah golongan profesional dan berpengalaman seperti promoter pementasan, ahli muzik, dan anggota tentera berpangkat mejar. Kebanyakan pendatang fasih berbahasa Malaysia dan sebahagian kecil boleh berbahasa Inggeris. Terdapat lebih 90 peratus daripada mereka bekerja dengan majikan rakyat Malaysia dalam pelbagai sektor perkhidmatan, perindustrian, dan pembinaan. Mereka sanggup meninggalkan pekerjaan tetap di negara asal bagi memperoleh pendapatan yang tinggi di negara ini dengan pendapatan tertinggi direkodkan adalah RM10,000. Pendapatan purata pula adalah RM1,378 berbanding di negara asal hanya RM411.90. Dari segi dokumen, lebih 90 peratus urusan dokumen dikendalikan oleh pihak kedua terutama agen dengan membayar kos sekitar RM600. Sejumlah lebih 70 peratus pendatang masuk ke negara ini dengan menggunakan pasport tetapi berakhir dengan kesalahan melebihi tempoh atau penyalahgunaan visa. Baki 30 peratus lagi menyeludup masuk tanpa apa-apa dokumen. Kebanyakan yang ditahan adalah atas kesalahan tiada dokumen yang sah atau dokumen yang telah tamat tempoh.

i. Penipuan dan penyeludupan manusia

Kajian mengenal pasti sejumlah 29.59 peratus pendatang masuk secara haram terutama dari Myanmar. Mereka memasuki negara ini melalui perairan dengan bantuan tekong laut atau melalui laluan darat dengan kereta atau lori. Kebanyakan pendatang Myanmar terutama etnik Rohingya yang datang menaiki kapal atau tongkang menggunakan khidmat agen dan belayar dalam keadaan yang bersesak-sesak, kurang bekalan makanan, dan kurang keselamatan. Sebahagian daripada mereka melaporkan berlaku kebuluran dan banyak kematian ketika belayar di atas kapal tersebut. Segelintir lagi melaporkan yang mereka ditipu oleh agen dari negara asal yang menjanjikan peluang pekerjaan tetapi menghilangkan diri apabila tiba di negara ini. Semua kesalahan tersebut memerlukan keprihatinan dan tindakan tegas serta penguatkuasaan lebih serius daripada pihak berkuasa Malaysia. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) juga perlu menumpukan perhatian lebih terperinci bagi menangani isu pendatang, pelarian, dan penyeludupan manusia.

ii. Hubungan kekeluargaan dan perlindungan pendatang

Hubungan yang wujud antara pendatang dengan ahli keluarga atau kenalan yang telah lama menetap di negara ini juga menjadi duri dalam daging dalam isu ini. Kebanyakan pendatang yang telah lama menetap di negara ini masih mengekalkan hubungan dengan keluarga di negara asal terutama negara jiran yang berdekatan dengan Malaysia. Kajian mendapati sebanyak 32.65 peratus pendatang mempunyai keluarga yang terdiri daripada adik-beradik seperti abang, kakak, atau ibu dan saudara-mara yang telah lama menetap di negara ini. Mereka sedia melindungi pendatang yang baru sampai termasuk mencarikan pekerjaan. Sebahagian daripada ahli keluarga tersebut dilaporkan telah mendapat taraf penduduk tetap (PR) manakala sebahagian berkahwin dengan warga tempatan. Perlindungan daripada ahli keluarga, saudara-mara, atau kenalan menjadikan isu pendatang terus menerus meruncing dan semakin kompleks. Bagi kes warga asing yang mendapat taraf penduduk tetap, mereka boleh dilucutkan taraf tersebut jika didapati melindungi dan bersubahat pendatang asing tanpa izin.

iii. Faktor semula jadi dan sempadan geografi

Malaysia bersempadan darat dengan Thailand di bahagian semenanjung dan bersempadan dengan Indonesia dan Brunei di Sabah dan Sarawak. Malaysia juga bersempadan laut yang berdekatan dengan pantai kedua-dua negara seperti Singapura, Indonesia, dan Filipina. Sempadan darat yang dipenuhi bukit-bukau dan hutan tebal serta sempadan laut yang terbuka luas di sepanjang pesisir pantai atau kawasan berpaya dan hutan bakau memudahkan pencerobohan dan penyeludupan masuk pendatang terutama melalui 'laluhan tikus'. Usaha kawalan rentas sempadan dan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan peraturan dan undang-undang perlu yang benar-benar telus dan konsisten.

5. Saranan

Limpahan buruh asing dalam jumlah yang terlalu banyak dan tidak terkawal mengundang pelbagai isu dan permasalahan ekonomi, sosial, dan politik seperti meningkatkan darjah kebergantungan kepada pendatang asing terutama yang berkemahiran rendah. Oleh yang demikian pihak kerajaan perlu mengurangkan kebergantungan kepada pendatang asing terutama buruh berkemahiran rendah selain memperkemas dan mengkaji semula sistem levi dan memperkenalkan bentuk hukuman yang lebih berkesan.

i. Mengurangkan kebergantungan kepada pendatang asing berkemahiran rendah

Kertas strategi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) menyasarkan had peratusan pekerja asing dalam tenaga kerja akan kepada 15 peratus pada tahun 2020. Justeru itu aktiviti ekonomi berintensif modal dan peralihan kepada sektor yang berasaskan pengetahuan perlu digalakkan dalam semua sektor ekonomi terutama dalam sektor pertanian, pembuatan, dan pembinaan yang pada masa kini menggaji lebih daripada 30 peratus pendatang asing.

ii. Sistem levi

Sistem levi sedia ada perlu ditambah baik bagi mengawal selia kemasukan buruh asing. Levi ini akan dibayar oleh majikan berdasarkan nisbah pendatang asing kepada jumlah keseluruhan pekerja dalam syarikat serta tempoh pekerjaan mereka. Kadar levi ini perlu dinaikkan secara berperingkat bagi memastikan kekesanannya. Sistem levi baharu ini mampu menggalakkan mekanisasi dan mengurangkan kebergantungan kepada pendatang asing berkemahiran rendah.

6. Rumusan

Penyalahgunaan dokumen sama ada atas alasan terlupa memperbaharunya atau ditipu agen bukanlah lesen untuk kerajaan Malaysia berlembut dengan pendatang. Penyalahgunaan ini bukan saja menjejaskan kredibiliti penguatkuasaan imigresen, malah memberi imej buruk kepada negara, dan penilaian rendah dari segi kepercayaan negara luar terhadap sistem keluar masuk negara. Pergantungan terhadap buruh asing juga memberi ruang kepada pendatang asing tanpa izin mengambil kesempatan melalui ahli keluarga dan kenalan yang telah lama menetap di Malaysia. Keutuhan ekonomi jangka panjang bukan saja bergantung kepada peningkatan keluaran dan pertumbuhan yang mapan tetapi juga imej negara di mata dunia.

Penghargaan

1. Kajian ini dibiayai oleh Geran Penjanaan Penyelidikan Universiti, Research and Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia.
2. Artikel ini telah dibentangkan di 3rd Annual ECoFI Symposium 2016, 19-20 Disember 2016, EDC UUM, Kedah, Malaysia, di bawah tajuk 'Pendatang asing tanpa izin di Johor. Latar belakang sosioekonomi dan dokumen kemasukan'

Rujukan

- [1] 530,625 PATI didaftar sejak 1 Ogos. (2011, Ogos 09). Bernama. Dicapai daripada <https://www.malaysiakini.com/news/172396>
- [2] Azrul Affandi Sobry. (2007, Ogos 13). Laporan khas: Pekerja asing melebihi masyarakat India. BH Online. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/m/BHarian/Monday/Mukadepan/20070812230821/Article/>
- [3] Fuad Mohamed Berawi & Nur Khalizah Binti Samin. (2015). Buruh asing di Ranau, Sabah: Kajian kes. Kertas kerja dibentangkan di Annual ECoFI Symposium (AES) 2015. Economic & Financial Policy Institute (EcoFi), SEFB, UUM College of Business, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Disember 2015.
- [4] Iwan Shu-Aswad Shuaib. (2015, Mei 15). Lebih separuh daripada tahanan di depot imigresen adalah warga Myanmar. mStar. Dicapai daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2015/05/15/tahanan-depot-imigresen/>
- [5] Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Penyiasatan tenaga buruh, profil bukan warganegara. (Edaran Terhad). Putrajaya.
- [6] Kemasukan pendatang tanpa izin ke Kelantan meningkat. (2014, April 7). Bernama. Dicapai daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kemasukan-pendatang-tanpa-izin-ke-kelantan-meningkat-33358>
- [7] Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. (2014). Data asas Malaysia. Dicapai daripada <http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2015/05/1-DATA-ASAS-MALAYSIA1.pdf>
- [8] Kerajaan cari mekanisme terbaik percepat hantar pulang PATI. (2014, Januari 5). Borneo Post Online. Dicapai daripada <http://www.theborneopost.com/2014/01/05/kerajaan-cari-mekanisme-terbaik-percepat-hantar-pulang-pati/>
- [9] Mohd Haikal Mohd Isa. (2016, Julai 12). Pasport Malaysia palsu dapat permintaan tinggi. Bernama. Dicapai daripada http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/ge/news_general.php?id=1262518
- [10] Mohd Izham Unnip Abdullah. (2015, Julai 6). Penempatan haram PATI di hutan bakau. BH Online. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/node/66002>
- [11] Norshahzura Mat Zuki & Connie S Monical. (2014, Ogos 11). Warga asing kuasai perniagaan di Malaysia. Sinar Online. Dicapai daripada <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/warga-asing-kuasai-perniagaan-di-malaysia>
- [12] Nurul Huda Hassan, Zulkifli Sainuddin & Maszureen Hadzman. (2014, Ogos 5). Sempadan negara mudah dibolosi?. Utusan Online. Dicapai daripada http://ww1.utusan.com.my/tusan/Laporan_Khas/20140805/lk_01/Sempadan-negara-mudah-dibolosi
- [13] Pekerja asing penuhi keperluan sektor tidak diisi rakyat tempatan. (2016, Februari 14). mStar. Dicapai daripada <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/02/14/pekerja-asing-penuhi-keperluan-sektor-tidak-diisi-pekerja-tempatan/>
- [14] Penduduk tetap jadi tekong sindiket penyeludupan manusia. (2013, Oktober 30). Bernama. Dicapai daripada http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?cat=sl&id=989576
- [15] Penyiasatan tenaga buruh, profil bukan warganegara (2010), Jabatan Perangkaan Malaysia.
- [16] Portal Rasmi Kementerian Dalam Negeri Malaysia. (2016). Maklumat perkhidmatan: Sektor yang dibenarkan. Dicapai daripada <http://www.kdn.gov.my/index.php/ms/bahagian-pa-maklumat-perkhidmatan>
- [17] RM171 juta tanggung perbelanjaan tahanan warga asing tahun lepas. (2010, Mac 23). Bernama. http://www.bernama.com/bernama/v3/bm/news_lite.php?id=484691
- [18] Sofian Baharom. (2014, November 14). 9,496 kes jenayah melibatkan warga asing. Utusan Online. Dicapai daripada <https://www.utusan.com.my/berita/parlimen/9-496-kes-jenayah-libatkan-warga-asing-1.24437>
- [19] Zulkifli Manzor & Syed Azlan Sayid Hizar (2014, Disember 12). Hantar wang RM5 bilion sebulan. Kosmo Online. Dicapai daripada http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=1222&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm